



**TEKS UCAPAN**  
**PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ANTARABANGSA**  
**UiTM, USM, UNAIR & UMM**

**Yang Berusaha Encik Amir Heberd Bin Abdullah**  
Penolong Rektor Kampus Bertam  
Universiti Teknologi MARA  
Cawangan Pulau Pinang

Bersempena  
“MALAM KEBUDAYAAN ANTARABANGSA DAN  
JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI FAKULTI SAINS KESIHATAN,  
UiTM CAW PULAU PINANG KAMPUS BERTAM  
BERSAMA UNIVERSITAS AIRLANGGA DAN UNIVERSITAS  
MUHAMADIAH MALANG, INDONESIA”

Di  
Dewan Zamrud 1 & 2, Tingkat 1, Hotel Seri Malaysia,  
Kepala Batas, Pulau Pinang

Pada  
9 Mei 2024/ 30 Syawal 1445H  
8:00-11:00 malam

Anjuran  
Fakulti Sains Kesihatan  
UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam

## **BISMILLAHHIRRAHMANNIRRAHIM**

Terima Kasih Saudara dan Saudari Pengacara Majlis (Dr. Nazar Mohd Zabadi Bin Mohd Azahar dan Puan Nurhidayah Sabri).

- 1. Yang Berbahagia Profesor Ir. Dr. Haji Ahmad Rashidy Bin Razali,**  
Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang.
- 2. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Basharudin Bin Abdul Hadi,**  
Timbalan Rektor (Hal Ehwal Pelajar).
- 3. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Kay Dora Binti Abd Ghani,**  
Timbalan Rektor (Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni).
- 4. Yang Berusaha Dr. Ratna Dwi Puji Astuti., S.K.M,**  
Mewakili Dekan, Fakultas Kesehatan Masyarakat, Universitas Airlangga, Indonesia.
- 5. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Wan Ismahanisa Binti Ismail,**  
Pengarah Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa di antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universitas Airlangga, Indonesia.
- 6. Yang Berusaha Prof. Madya Ts. Dr. Abdul Hafiz Bin Ab Majid,**  
Pengarah Program Kolokium Antarabangsa di antara Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia, Malaysia, serta Universitas Airlangga, Indonesia.
- 7. Barisan Ahli Pengurusan dan Wakil-wakil daripada Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia, MALAYSIA, Universitas Airlangga, serta Universitas Muhammadiyah Malang, INDONESIA.**
- 8. Seterusnya, Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakaatuh

Salam Malaysia Madani,  
Salam Nusantara,

1. Alhamdulillah, dengan limpah kurnia dan perkenan Allah S.W.T., saya berbesar hati berada di sini malam ini dalam program **MAJLIS PENUTUPAN PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT ANTARABANGSA, BERSEMPENA DENGAN MALAM KEBUDAYAAN ANTARABANGSA DAN JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI FAKULTI SAINS KESIHATAN, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG, KAMPUS BERTAM.**
2. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan majlis yang cukup gemilang pada malam ini. Saya amat berbesar hati **untuk meraikan kesemua warga Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Bertam yang turut diserikan dengan kehadiran delegasi antarabangsa iaitu para dosen dan mahasiswa dari Universitas Airlangga, Indonesia, mahasiswa dari Universitas Muhammadiyah Malang, Indonesia, serta wakil pensyarah dari Universiti Sains Malaysia.** Kehadiran anda semua dapat menyerikan suasana majlis pada hari ini.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

3. **Program Khidmat Masyarakat Antarabangsa** yang telah dijalankan dari 6 hingga 9 Mei 2024, akan berakhir usai sahaja majlis penutupan yang akan diumumkan oleh Rektor UiTM Cawangan Pulau Pinang sebentar lagi. Justeru saya amat berharap, segala ilmu, serta pengalaman yang ditimba di sini dapat dibawa pulang dan dijadikan tauladan bagi menjalankan program-program komuniti bersama

masyarakat pada masa akan datang. “***Yang baik dijadikan tauladan, yang buruk dijadikan sempadan***”. Kata-kata hikmat ini cukup besar untuk kita semua hayati dan cakna dengan perbezaan sosio budaya masyarakat di Indonesia dan Malaysia khususnya. Kemudahan lengkap fasiliti, adab, tutur bahasa dan gaya pergaulan, serta keindahan persekitaran sudah tentunya berbeza di antara dua negara. Walau bagaimanapun, **program khidmat masyarakat antarabangsa yang dijalankan telah berlangsung dengan jayanya dengan sokongan semua pihak yang terlibat.**

4. **Alhamdulillah dan jutaan terima kasih** yang tidak terhingga kepada **semua yang terlibat termasuk delegasi dari Universitas Airlangga, Universitas Muhammadiyah Malang dan Universiti Sains Malaysia** yang turut menjayakan program ini. Semoga jalinan kerjasama yang terbina dapat diperkasa di masa-masa akan datang.
5. **TAHNIAH DAN SYABAS** sekali lagi di atas segala usaha dan komitmen yang jitu bagi kelima-lima program yang telah dijalankan iaitu:
  - i) “***International Colloquium on Public Health Food Security and Climate Change***” pada 6 dan 7 Mei 2024.
  - ii) **Program Saintis Muda** bersama pelajar sekolah di Pusat Pendidikan Tahfiz Sains dan Teknologi Pulau Pinang, Bertam pada 7 Mei 2024.
  - iii) **Program bersama anak yatim** di Rumah anak kesayangan, Pertubuhan Anak Kesayangan, Kepala Batas, pada 7 Mei 2024.
  - iv) Program 2P – “***Plogging & Picturing***” di Georgetown dan
  - v) **Program bersama warga emas** di Pusat Jagaan Damai Permai, Kepala Batas pada 9 Mei 2024.

6. Saya difahamkan pihak AJK program sempat membawa delegasi UNAIR **melihat keindahan Pulau Pinang di atas puncak Bukit Bendera** pada 8 Mei 2024. Tinjauan di atas bukit bendera boleh kelihatan beberapa daya tarikan seperti **masjid bukit bendera, little village, henna & spa penang hill, bangunan bersejarah bukit bendera, penang hill galerry dan banyak lagi**. Semoga pengalaman bermakna sepanjang berada di Malaysia dapat diabadikan dalam memori hadirin sekalian. Sekiranya ada yang berminat untuk menyambung pengajian di Fakulti Sains Kesihatan, Kampus Bertam, pihak kami amat mengalu-alukan kedatangan ke sini pada masa akan datang. Lebih banyak lagi tempat menarik boleh diteroka di sini.

**Hadirin yang dikasihi sekalian,**

6. Tanggal 30 Syawal tahun ini amat bermakna buat saya dan seluruh warga UiTM Cawangan Pulau Pinang, Kampus Bertam khususnya dari Fakulti Sains Kesihatan kerana menyambut sambutan Hari Raya di Hotel Seri Malaysia dengan kehadiran delegasi dari Universitas Airlangga dan Universitas Muhammadiyah Malang. **Beberapa persiapan telah dilakukan untuk menyajikan para tetamu dengan adat tradisional tempatan Malaysia termasuk tarian tradisional pada malam ini**. Semoga dapat menghiburkan semua.
7. Akhirul kalam, sebelum mengakhiri ucapan saya, tidak lewat untuk saya ucapkan kepada semua, **dengan ucapan “Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir & Batin”**.

Sekian. *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamulaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

Terima kasih.